

# SOALAN LAZIM AKADEMI DALAM INDUSTRI

Umum, Bakat, Syarikat, Insentif



### **Apa itu Akademi Dalam Industri?**

Akademi Dalam Industri adalah program Kerajaan yang diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi membangunkan bakat industri masa hadapan. Ia bertujuan untuk membuka ruang kepada rakyat tempatan mendapatkan peluang pekerjaan serta memperoleh sijil kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan.

### **Apakah konsep Akademi Dalam Industri?**

Program ini berkonsepkan *Place and Train* di mana bakat ditempatkan ke syarikat dan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mengikut bidang yang dipilih.

### **Adakah bakat/syarikat akan dikenakan sebarang yuran penyertaan?**

Tiada yuran penyertaan.

### **Adakah Akademi Dalam Industri merupakan Pusat Latihan Kemahiran?**

Tidak, Akademi Dalam Industri bukan Pusat Latihan Kemahiran. Akademi Dalam Industri adalah inisiatif Kerajaan.



### **Bagaimana cara untuk bakat/syarikat mendaftar?**

Sila layari portal rasmi Akademi Dalam Industri melalui [adi.gov.my](http://adi.gov.my)

### **Sekiranya bakat/syarikat mempunyai persoalan lanjut, siapakah yang boleh dihubungi?**

Layari portal rasmi, [adi.gov.my](http://adi.gov.my) atau boleh hubungi 013-66 88 432  
(Whatsapp)



## **Siapakah yang layak mendaftar sebagai bakat?**

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia tidak mengira kelayakan akademik.

## **Apakah kelebihan menyertai program Akademi Dalam Industri?**

1. Mendapat pekerjaan.
2. Mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh kerajaan.
3. Mendapat kemahiran bekerja di industri dan diiktiraf oleh industri.
4. Mendapat insentif daripada kerajaan (bergantung pada tempoh latihan).
5. Mendapat gaji dan faedah sebagai pekerja daripada syarikat.

## **Adakah bakat akan mendapat pekerjaan melalui Akademi Dalam Industri?**

Ya, bakat akan memohon jawatan yang ditawarkan oleh syarikat. Syarikat akan membuat lantikan sebagai pekerja dan memberi latihan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mengikut bidang atau *niche* syarikat tersebut.

## **Adakah bakat akan mendapat gaji?**

Ya, gaji minimum ialah RM1,500.00 (dinaikkan kepada RM1,700.00 bermula Februari 2025).

### **Berapakah tempoh latihan yang dijalankan?**

Tempoh latihan adalah 9 – 18 bulan mengikut tahap SKM yang diambil.

### **Persijilan apa yang ditawarkan oleh Akademi Dalam Industri?**

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 - 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 yang diiktiraf oleh kerajaan.

### **Adakah bakat boleh mendaftar Akademi Dalam Industri sekiranya mempunyai sijil kemahiran micro-credential?**

Ya, bakat masih boleh mendaftar.

### **Adakah bakat akan dikenakan penalti sekiranya berhenti sebelum tamat pensijilan SKM?**

Tiada penalti dikenakan tetapi akan disenarai hitam daripada menyertai program Akademi Dalam Industri.



### **Adakah OKU dan golongan rentan boleh mendaftar sebagai bakat?**

Ya, OKU dan golongan rentan boleh memohon.

### **Adakah bakat boleh terus bekerja selepas tamat tempoh latihan?**

Ya, bakat boleh terus bekerja di syarikat selepas melengkapkan pensijilan SKM.



# SYARIKAT

## **Syarikat dalam sektor/industri apa yang terlibat dalam Akademi Dalam Industri?**

Sektor dibawah NIMP 2030 dan sektor berimpak tinggi (GHV).

## **Apakah syarat untuk syarikat mendaftar program Akademi Dalam Industri?**

Syarikat perlu mempunyai hasil jualan tahunan sebanyak RM300,000 dan ke atas.

## **Apakah kelebihan syarikat menyertai program Akademi Dalam Industri?**

1. Pekerja yang berkemahiran.
2. Insentif daripada Kerajaan.
3. Tuntutan levi boleh dibuat dengan HRDCORP (syarikat pencarum).
4. Layak menerima potongan cukai pendapatan syarikat.

## **Adakah syarikat perlu menyediakan surat tawaran bekerja kepada bakat?**

Ya, syarikat perlu menyediakan surat tawaran sebagaimana pekerjaan biasa.



## **Adakah syarikat perlu membayar gaji kepada bakat?**

Ya. Syarikat perlu membayar gaji sekurang-kurangnya gaji minimum seperti yang digariskan oleh kerajaan. Individu tertakluk kepada Akta Kerja 1955 dan peraturan - peraturan syarikat untuk pekerja.

## **Berapakah tempoh latihan pensijilan di syarikat?**

Syarikat yang menawarkan pekerjaan perlu melatih dan mensijilkan bakat/pekerja mereka secara kerja - latihan kemahiran (on the job training) dalam tempoh 9 ke 48 bulan bergantung kepada tahap kemahiran dipilih.

## **Apakah struktur kursus yang ditawarkan oleh setiap syarikat?**

Program ini berorientasikan pekerjaan yang menggabungkan latihan kemahiran di tempat kerja yang merangkumi amali (80%) dan teori (20%).

## **Adakah syarikat boleh menggunakan platform ini untuk mencari pekerja?**

Ya, syarikat boleh menggunakan portal ini untuk mencari pekerja sebagaimana portal mencari pekerja yang lain.



## INSENTIF

**Adakah bakat layak mendapat insentif di bawah program Akademi Dalam Industri jika telah mempunyai sijil akademik / kemahiran sebelum ini?**

Ya, bakat daripada golongan ini layak menerima insentif.

**Adakah bakat layak mendapat insentif jika berpindah ke syarikat lain?**

Tidak layak.

**Bagaimana cara pembayaran insentif oleh Kerajaan?**

Bayaran disalurkan kepada syarikat dan syarikat bertanggungjawab untuk mengagihkan kepada bakat dan Pusat Latihan (jika ada).

**Bagaimana cara untuk syarikat membuat tuntutan insentif tersebut?**

Syarikat perlu membuat tuntutan di portal Akademi Dalam Industri.



# INSENTIF

## Apakah incentif yang akan diterima oleh bakat dan syarikat?

KATEGORI	BAYARAN PERTAMA (Dalam tempoh sebulan selepas Bakat didaftarkan)	BAYARAN KEDUA (Bulan ke-9 latihan)	BAYARAN TERAKHIR (Bulan ke-18 latihan)
BAKAT (PEKERJA)	1,500	500	500
SYARIKAT	200	200	200
PUSAT LATIHAN (PL)	300	300	300

\*dibayar mengikut tempoh latihan

\*sekiranya syarikat menggunakan tenaga pengajar dalaman, syarikat akan menerima RM500

## **UNTUK MAKLUMAT LANJUT**

Portal Rasmi  
[www.adl.gov.my](http://www.adl.gov.my)

Menara Matrade, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
Kompleks Kerajaan, 50480 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Hubungi kami untuk maklumat berkenaan penyertaan:  
[www.adl.gov.my](http://www.adl.gov.my)

Dikemaskini pada 24 Oktober 2024